

KUALA LUMPUR, 24 NOV (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA UNDANG-UNDANG BURUH NEGARA INI MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PEKERJA MENUNTUT HAK YANG BERPATUTAN. TETAPI, KATANYA, INI TIDAK PULA BERERTI NEGARA DAN RAKYAT YANG LAIN INGINKAN UNDANG-UNDANG YANG MEMBERI HAK YANG KETERLALUAN KEPADA KAUM BURUH SEHINGGA ORANG LAIN MENDERITA, HIDUP SELALU TERANCAM, TIDAK BOLEH Mencari makan dan sebagainya.

+NEGARA DAN RAKYAT TIDAK RELA MEMBUAT UNDANG-UNDANG YANG BOLEH MEROSAKKAN EKONOMI NEGARA, + TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN DUA TAHUN SEKALI KESATUAN PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA DI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SUDAH TENTU NEGARA INI TIDAK AKAN MENIRU UNDANG-UNDANG YANG TELAH MENYEBABKAN BANYAK NEGARA LAIN MENJADI LEMAH, KUCAR-KACIR, MISKIN DAN TERUS BANGKRAP.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA BUKAN SEMUA PENDUDUK NEGARA INI YANG MAKAN SAJI ALAH LEBIH RAMAI BEKERJA SENDRI DENGAN PENDAPATAN YANG TIDAK TERJAMIN. — BERSAMBUNG 1900/LK

EE

B624:

MAHATHIR-BURUH 2 KUALA LUMPUR

+NELAYAN, PENANAM PADI, PENJAJA DAN PENARIK BECA BENAR-BENAR KAIS PAGI MAKAN PAGI, KAIS PETANG MAKAN PETANG, + KATANYA. TAMBAHNYA, KERAJAAN SEDAR YANG IA TIDAK DAPAT MEMENUHI SERATUS PERATUS KEHENDAK SEMUA PIHAK +TETAPI SAYA TIDAK TAHU SUATUPUN NEGARA YANG DAPAT MEMENUHI KEHENDAK RAKYAT SEPENUHNYA. +

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR ADA NEGARA YANG MEMBAYAR GAJI 10 KALI LEBIH DARI DI MALAYSIA DI SAMPING BERBAGAI KEMUDAHAN LAIN.

NAMUN, KATANYA, NEGARA ITU JUGA MENGHADAPI MASALAH YANG SAMA DENGAN MALAYSIA, IAITU PARA PEKERJA BUKAN SAHAJA TIDAK PUASHATI TETAPI MOGOK SEPANJANG MASA SEHINGGA NEGARA MENJADI BANGKRAP.

BELIAU MENYATAKAN SEBAB BERLAKUNYA DEMIKIAN DI NEGARA-NEGARA SERUPA ITU IALAH KERANA TERLALU LIBERALNYA UNDANG-UNDANG BURUH MEREK.

+SEGALA-GALANYA DIBENAR UNTUK MEMENUHI KEHENDAKI HATI PEKERJA SEMUA LAPISAN. TETAPI INIPUN TIDAK BERJAYA MENGURANGKAN PERTIKAHAN ANTARA MAJIKAN DENGAN PEKERJA. + — BERSAMBUNG 1905/LK

EE

B625:

MAHATHIR-BURUH 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA KERAJAAN BUKAN HANYA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KAKITANGANNYA DAN PARA PEKERJA YANG MENDAPAT GAJI TETAP TETAPI JUGA KEPADA NELAYAN, PELADANG, PENJAJA DAN LEBIH-LEBIH LAGI PENGANGGUR.

TEGASNYA, UNDANG-UNDANG NEGARA YANG MENJAGA KEPENTINGAN ORANG YANG SUDAH BEKERJA DAN MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN DAN HAK ORANG LAIN TIDAK BOLEH DITERIMA OLEH KERAJAAN.

KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA SEMUA GOLONGAN RAKYAT DAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN KACAU-BILAU DADAKAN UNTUK KEPENTINGAN SATU GOLONGAN SAHAJA, UJARNYA.

+SIKAP KERAJAAN INI ADALAH JELAS. DISAMPING KITA TIDAK SUKA MELIHAT MAJIKAN MENINDAS PEKERJA, KITA JUGA TIDAK SUKA LIHAT PEKERJA MENINDAS ORANG LAIN. KITA TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA SATU PIHAK. + — BERNAMA 1907/LK